

BAB EMPAT

HUKUM IMA:LAT DALAM RIWAYAT WARSH

4.0 Pendahuluan

Kajian tentang fonetik tidak terhad kepada perbincangan mengenai makhraj huruf dan sifat-sifatnya sahaja, malah mestilah merangkumi kajian mengenai hubungan di antara huruf-huruf yang akan memberi implikasi atau kesan yang tidak berlaku pada satu-satu huruf jika bersendirian.

Dalam bab ini penulis menerangkan satu daripada kesan tersebut berdasarkan kepada kaedah dalam riwayat Imam Warsh iaitu ima:lat. Ia adalah satu fenomena atau kesan daripada hubungan antara dua sifat atau fungsi huruf yang berbeza.

Lahirnya ima:lat ini adalah kerana memenuhi kehendak bahasa Arab itu sendiri yang lebih cenderung kepada keringanan (khiffat) berbanding keberatan (thiqal). Bahkan, tujuan inilah yang mendorong kepada bacaan ima:lat iaitu cenderungnya sebutan baris atas (fatġlat) ke arah baris bawah (kasrat).

4.1 Definisi Ima:lat

Ima:lat adalah satu fenomena fonetik yang jarang dikaji secara mendalam oleh pengkaji. Ianya mempunyai pelbagai takrifan atau definisi yang digariskan oleh para ahli bahasa Arab ataupun qira:'a:t al-Qur'a:n. Kajian ini memperincikan takrifan sama ada dari segi bahasa ataupun istilah yang membantu memahami ima:lat secara mendalam.

4.1.1 Ima:lat Dari Sudut Bahasa

Ima:lat dari segi bahasa ialah kata masdar daripada kata kerja (أَمَالَ - يُمِيلُ) (أَمَالَ - إِمَالَةٌ). Ima:lat dari segi bahasa memberi banyak maksud antaranya ialah inÍira:f (kecenderungan) seperti contoh :

مَالَ الْحَاكِمُ : إِذَا عَدَلَ عَنِ الْإِسْتِوَاءِ

Maksudnya : *Cenderunglah hakim tersebut apabila dia condong daripada keadaan yang sama/betul.*

Maksud ima:lat juga ialah kecondongan (inÍina:') menurut al-Mu:Îiliyy (1955) dalam Ibn al-Qa:ÎiÍ (2005) seperti contoh :

أَمَالَ فُلَانٌ ظَهْرَهُ : أَحْنَاهُ

Maksudnya : *Orang itu mencondongkan belakangnya.*

Ibra:hi:m (1981) membawakan makna ima:laṭ ialah membengkokkan (ta'wi:j) sebagaimana contoh :

أَمَلْتُ الرُّمْحَ : إِذَا عَوَّجْتُهُ عَنْ اسْتِقَامَتِهِ

Maksudnya : *Saya mengalihkan anak panah apabila saya mencondongkannya daripada kedudukannya yang betul/tegap.*

4.1.2 Dari Sudut Istilah

Manakala makna ima:laṭ dari segi istilah dikenali oleh para ahli bahasa dengan pelbagai nama. Namun, walaupun banyak pendapat dan nama yang diberikan ianya membawa maksud yang sangat hampir sama pengertiannya asalnya.

Di antara maksud-maksud ima:laṭ mengikut istilah para ahli bahasa Arab ialah :

- i) Mengikut definisi oleh al-Mubarrad (w 285 H) :

“ Anda mendekatkan huruf dan barisnya kepada baris yang hampir sama seperti kasra_̣ atau ya:’.”

- ii) Definisi oleh al-Zajja:jiyy (w 337 H) dan Ibn Jinni: (w 392 H) yang hampir sama iaitu :

“ Makna ima:la_̣ ialah anda mencondongkan bacaan baris fat_̣la_̣ ke arah kasra_̣ atau alif ke arah ya:’.”

- iii) Definisi yang diberikan oleh Ibn Ya‘i:sh (w 643 H) iaitu :

“ Ima:la_̣ ialah mencondongkan alif ke arah ya:’, maka makhrajnya menjadi makhraj antara makhraj alif yang ditebalkan (tafkhi:m) dan makhraj ya:’.”

- iv) Ibn Malik mendefinisikan ima:la_̣ sebagai :

“ Mencondongkan kata kerja atau kata nama bahasa Arab sama ada fat_̣la_̣ ke arah kasra_̣ ataupun alif ke arah ya:’.”

Manakala Si:bawayh (1316 H) pula hanya menyentuh mengenai ima:la_̣ apabila menghuraikan mengenai ha:’ ta’n:ith mengikut al-Kisa:’iyy. Pada beliau, al-Kisa:’iyy telah menyamakan ha’ dengan alif. Oleh Itu, dia membaca dengan ima:la_̣ huruf sebelumnya sebagaimana dia membaca dengan ima:la_̣ huruf sebelum alif.

Menurut Aġmad ibn ‘Aliyy (1403 H) ima:laṭ ialah : “ Melencongkan sebutan huruf daripada baris fatġlaṭ ke arah baris kasraṭ sedikit sahaja, seolah-olah kadar pertengahan antara fatġlaṭ dan kasraṭ. Maka, dengan itu juga dicondongkan sedikit bunyi sebutan huruf alif ke arah ya:’. Oleh itu, bacaan *تستعلي* tidak lagi seperti *تستعلي* yang asal sebelum di’ima:laṭ’kan.

Mengikut Ahmad al-Bi:liyy (1988), ima:laṭ ialah : “ *Melencongkan fatġlaṭ ke arah kasraṭ, alif ke arah ya:’, fatġlaṭ ke arah ġammaṭ dan alif ke arah wa:w.’*”

Ismail Tekan (1993) menyatakan tentang definisi ima:laṭ : “ *Definisinya menurut ulama qira:’a:t (tajwid) ialah menyembunyikan baris di atas “ fatġlaṭ ‘ menjadi bunyi E, iaitu antara bunyi A dan I.*”

Manakala menurut Ibra:hi:m Ani:s (1973) golongan cendekiawan dalam bidang Ilmu Fonetik berpendapat bahawa fatġlaṭ dan ima:laṭ merupakan dua sebutan daripada bunyi yang lembut, sama ada dibaca secara pendek atau panjang. Bunyi lembut yang dibaca secara pendek dinamakan harakat. Adapun bunyi lembut yang panjang dinamakan *alif mad, ya:’ mad* dan *wa:w mad*.

Secara dasarnya sebutan ima:laṭ boleh dinyatakan dengan sebutan seperti berikut :

- i) Ima:laṭ Kubra: : Sebutan 50% alif dan 50% ke arah ya:’.
- ii) Ima:laṭ Øughra: : 75% alif dan 25% ke arah ya:’

4.2 Faktor-faktor Ima:laṭ

Ima:laṭ dalam pembacaan al-Qur'a:n al-Kari:m adalah berdasarkan riwayat yang diterima secara talaqqi: daripada guru. Namun, para ulama menggariskan beberapa kriteria ataupun faktor ima:laṭ berdasarkan kaedah bahasa Arab dan kepelbagaian dialek Arab yang diambil kira oleh Allah (s.w.t) apabila menurunkan al-Qur'a:n al-Kari:m.

4.2.1 Faktor-faktor Ima:laṭ pada Ahli Bahasa dan Dialek Arab

Ibn al-Qa:ṭīb (2005) menjelaskan bahawa terdapat dua faktor penting bagi ima:laṭ yang terkenal di kalangan dialek orang Arab. Daripada dua faktor utama inilah ianya dapat dikembangkan kepada lapan kriteria. Dua faktor utama tersebut ialah :

i) Baris kasraṭ sama ada jelas (Ḍa:hirat) ataupun tersembunyi (muqaddarat).

a. Baris yang jelas :

Contoh :

ت dalam kalimah كَاتِب

أ dalam kalimah عَائِد

عالم ل dalam kalimah

- b. Baris yang tersembunyi :

Contoh :

خَوْفَ yang asalnya خَاف

- ii) Huruf ya:' yang jelas dan yang tersembunyi.

- a. Zahir

Contoh :

بَيَان - شَيِّبَان - عَيَّلَان

- b. Tersembunyi

Contoh :

خَاف - خُوفَ

Ibn al-Qa:îî (2005) juga menyatakan bahawa ahli bahasa Arab begitu mengambil berat tentang penentuan sebab atau faktor berlakunya sesuatu keadaan ima:laṭ. Keadaannya terlalu banyak dan merujuk kepada dialek bangsa Arab yang bermacam-macam. Antara faktor ima:laṭ pada ahli bahasa seperti berikut :

- i) Apabila huruf alif terletak selepas baris kasrat sama ada terpisah oleh satu huruf atau dua huruf (salah satunya ha:' atau suku:n) atau tiga huruf.

Contoh :

a. Terpisah oleh satu huru : جدار - كِتَاب

b. Terpisah oleh dua huruf : يَضْرِبُهَا - يُكْرِمُهَا

مِفْتَاح - مِسْوَاك

c. Terpisah oleh tiga huruf : دَرْهَمَان

- ii) Apabila huruf alif terletak sebelum kasrat.

Contoh :

عَالِم - نَائِم - شَاهِد

- iii) Apabila huruf alif terletak selepas huruf ya:' sama ada bersambung atau terpisah oleh satu huruf atau dua huruf salah satunya ha:'.

Contoh :

a. بَيَان - سُفْيَان

b. شَيْبَان - هَيْمَان

c. بَيْتُهَا - رَيْتُهَا

iv) Apabila huruf alif terletak sebelum huruf ya:’.

Contoh :

بَايَع - سَايَر

v) Apabila huruf alif adalah sebenarnya ganti kepada ya:’ yang asal.

Contoh :

اشْتَرَى - اهْتَدَى - هُدَى - فَتَاة - حُصَاة

vi) Apabila huruf alif adalah ganti kepada huruf ya:’ atau menjadi huruf ya:’.

Contoh :

مُمَال - مُسْتَشْفَى

- vii) Apabila alif adalah ganti kepada huruf ‘ayn kata kerja tiga huruf apabila disandarkan kepada gantinama pelaku (fa:‘il).

Contoh :

نَامَ - نِمْتُ ، هَامَ - هِمْتُ ، زَاغَ - زُغْتُ

- viii) Apabila terdapat pada akhir kata nama huruf ha:’ ataupun ta:’ yang bertukar kepada ha:’ apabila waqaf.

Contoh :

مَالِيهِ - مَا هِيَهُ - حُجَّةٌ - لُْمَرَةٌ

4.2.2 Faktor-faktor Ima:laṭ pada Ahli Qira:’a:t

Para ahli bahasa Arab telah menetapkan faktor-faktor ima:laṭ berdasarkan kepada kaedah dalam ilmu nahu. Adapun para ahli qira:’a:t kaedah mereka adalah berdasarkan talaqqi: dan musha:fahaṭ (mendengar dan mengambil daripada bacaan guru secara langsung). Maka, bacaan (qira:’a:t) al-Qur’a:n al-Kari:m itu diwahyukan oleh Allah (s.w.t) melalui Jibril a.s dan disampaikan pula oleh Rasulullah (s.a.w) kepada sahabat-sahabat sehinggalah ke hari ini. (Ibn al-Qa:ṭiī, 2005).

Ibra:hi:m (2005) dalam kajiannya terhadap tulisan Ibn al-Qa:sih mendapati kebanyakan kalimat al-Qur'a:n al-Kari:m yang dibaca dengan ima:laṭ tetapi bukan berdasarkan kaedah nahu juga diterima oleh para ahli qira:'a:t. Berikut adalah beberapa faktor yang telah digariskan oleh para ahli qira:'a:t al-Qur'a:n yang kebanyakannya hampir sama dengan kaedah ahli nahu Arab :

- i) Ima:laṭ kerana baris kasraṭ yang mendahului alif ima:laṭ.

Contoh :

كِتَابٌ - حِسَابٌ

- ii) Ima:laṭ kerana baris kasraṭ yang mendahului alif ima:laṭ.

Contoh :

أَيَّامٌ - الْحَيَاةُ

- iii) Ima:laṭ kerana huruf ya:' yang terletak selepas alif ima:laṭ.

Contoh :

عَابِدٌ - النَّاسِ - النَّارِ

- iv) Ima:laṭ kerana huruf ya:' yang terletak selepas huruf alif ima:laṭ.

Contoh :

مُبَايَع

- v) Ima:laṭ kerana baris kasraṭ (muqaddarat) apabila mengganti tempat ima:laṭ.

Contoh :

خَوْفَ yang asalnya خَاف

- vi) Ima:laṭ kerana huruf ya:' (muqaddarat) pada mengganti tempat ima:laṭ.

Contoh :

يَخْشَى - الْهُدَى - أَتَى - الثَّرَى

- vii) Ima:laṭ kerana baris kasraṭ pada beberapa kalimah kerana fa:' pada kata kerja asalnya berbaris kasraṭ apabila bersambung dengan gantinama pelaku.

Contoh :

طَابَ - طَبْتُ ، جَاءَ - جِئْتُ ، شَاءَ - شِئْتُ ، زَادَ - زِدْتُ

- viii) Ima:laṭ kerana huruf ya:' yang terdapat pada beberapa keadaan.

Contoh :

عَزَا - عَزِيٌّ ، تَلَا - تَلِيٌّ apabila dalam keadaan 'ism al-maf'u:l'.

ix) Ima:laṭ kerana ima:laṭ.

a. Ima:laṭ huruf alif pertama kerana huruf alif kedua (asal ya:') yang ima:laṭ.

Contoh : تَرَاءَا

b. Ima:laṭ huruf alif pertama kerana alif yang kedua ima:laṭ yang asalnya ditukarkan daripada berbaris dua (tanwi:n).

Contoh : عِمَادًا

c. Ima:laṭ perkataan di awal surah.

Contoh : الضُّحَى - الْقُوَى - وَضُحَاهَا - وَتَلَاهَا

x) Ima:laṭ kerana sama dengan kalimah yang ima:laṭ pada tempat lain.

Contoh :

a. اِهْدَى - اِهْدَى sama dengan اِهْدَى - اِهْدَى

b. عَيْسَى - مُوسَى alif asalnya ya:’

c. دَحَاهَا - طَحَاهَا - تَلَاهَا - سَجَى alif asalnya ya:’

xi) Ima:lat kerana banyak penggunaannya sebagai ima:lat.

Contoh :

الحَجَّاج - النَّاس

xii) Ima:lat kerana berbeza antara nama dan huruf sebagaimana huruf-huruf di awal surah.

Contoh :

مَا - لَا berbeza daripada بَاء - تَاء

xiii) Alif yang ditulis dengan ya:’ walaupun asalnya wa:w.

Contoh :

ضُحَى - دَحَاهَا - سَجَى

4.3 Tujuan-tujuan dan Faedah Ima:laṭ

Sebagaimana yang diketahui bahawa huruf-huruf dalam bahasa Arab ada berbagai-bagai sifat dan makhraj. Sebahagiannya sama dari segi sifat dan makhraj. Manakala sebahagian yang lain pula bersamaan makhraj tetapi berlainan sifat. Ada juga yang hampir sama ; sama ada sifat dan juga makhraj.

Menjadi kelaziman masyarakat Arab apabila terdapat kesukaran dalam menyebut sesuatu huruf maka mereka akan cuba leraikan dengan mendekatkannya bertujuan meringankan sebutannya.

Si:bawayh (1982) menjelaskan tentang keserasian dalam sebutan bahawa huruf alif akan diima:laṭkan sekiranya huruf selepas daripadanya berbaris kasraṭ. Tujuannya adalah untuk mendekatkannya dari segi sebutan ke arah huruf alif seakan-akan menyerupai ya:' pada sebutan. Sebagaimana yang berlaku dalam persoalan idgha:m.

Ibn Jinni: (1990) menyatakan bahawa ima:laṭ termasuk dalam perbincangan mengenai idgha:m aġhar (kecil). Tujuannya adalah untuk mendekatkan sebutan antara huruf-huruf ima:laṭ tersebut.

Manakala Ibra:him Ani:s (1973) menjelaskan bahawa sama ada fatġlaṭ dan juga ima:laṭ adalah dua bunyi lembut. Ia merupakan satu kemudahan bagi

kabilah-kabilah Arab yang mengungkap sebutan-sebutan yang tertentu berdasarkan kepada dialek dan kebiasaan dalam kehidupan mereka.

Menurut A'Imad al-Bi:liyy (1988) tujuan ima:laṭ ialah supaya adanya keserasian antara huruf-huruf yang disebut. Kadang-kadang ianya menunjukkan kepada sebutan asal sesuatu perkataan. Menurutnya lagi, tempat berlakunya ima:laṭ ialah pada kata-kata nama dan kata-kata kerja yang berubah (boleh ditransitifkan).

Ibn al-Jazriyy (1992) merujuk kepada hakikat bahawa antara ciri-ciri lisan atau lidah ialah menurun dan menaik semasa menuturkan satu-satu huruf. Oleh itu, tujuan ima:laṭ adalah untuk menjimatkan tenaga yang digunakan semasa menyebut sesuatu perkataan.

Apabila bertembung antara baris kasraṭ dan baris fatḥaṭ, maka baris kasraṭ akan mengatasinya. Ini kerana tujuan ima:laṭ adalah untuk memudahkan sebutan. Lidah akan menaik semasa menyebut fatḥaṭ tetapi menurun apabila melafazkan kasraṭ. Keadaan menurun itu sudah semestinya lebih kuat daripada menaik. Oleh itu, jika semakin banyak kasraṭ dalam sebutan, semakin besar peluang berlakunya ima:laṭ.

Ibra:hi:m (2005) meringkaskan faedah-faedah ini sebagaimana berikut:

- i) Membentuk keserasian antara huruf.

- ii) Menzahirkan huruf-huruf asal sesuatu perkataan.
- iii) Menunjukkan keadaan sebenar sesuatu perkataan.
- iv) Meletakkan kaedah bagi beberapa perkataan yang sama.

4.4 Jenis-jenis Ima:laṭ mengikut ahli Bahasa dan Qira:'a:t

Para ahli bahasa Arab dan ulamak qira:'a:t al-Qur'a:n mempunyai pandangan yang pelbagai tentang jenis dan bahagian-bahagian ima:laṭ dalam bacaan al-Qur'a:n. Kesemuanya adalah bertujuan untuk membaca al-Qur'a:n al-Kari:m dengan betul dan tepat sebagaimana ianya diturunkan oleh Allah (s.w.t).

4.41 Ima:laṭ Pada Ahli Qira:'a:t al-Qur'a:n

Para ahli qira:'a:t membahagikan ima:laṭ kepada dua. Bahagian-bahagian tersebut ialah :

- i) Ima:laṭ Kubra: : Apabila suara dicondongkan bersangatan ke arah huruf y:a'.
- ii) Ima:laṭ Øughra: : Iaitu pertengahan antara fathah dan kasrah.

Mengikut Ahmad al-Biliy (1984) perbezaan antara keduanya hanyalah pada kadar kecondongan atau kecenderungannya sahaja.

Ibra:hi:m (2005) memperincikan bahagian-bahagian ima:lat seperti disebut oleh ulamak qira:'a:t sebagaimana berikut :

- i) **Ima:lat Kubra:** : Iaitu mendekati sebutan baris fatġat seakan-akan baris kasraġ atau alif ke arah ya:' tanpa menukarkannya secara mutlak. Sekiranya terlebih tahap kecondongan maka akan berlaku penukaran terus huruf alif kepada ya:'.

Terdapat beberapa nama yang digunakan menunjukkan kepada maksud yang sama (ima:lat kubra:) :

- a. al-ima:lat al-shadi:daġ (Ima:lat yang kuat)
- b. al-iġja:' (kecondongan)
- c. al-baġġ (membentangkan)
- d. al-layy (kecondongan)
- e. al-ima:lat al-maġġat (kecenderungan semata-mata)
- f. al-ijna:ġ (kecondongan)
- g. al-ishba:' (menyempurnakan)
- h. al-alif al-mu'wij (alif condong)

- ii) **Ima:lat Øughra** : Iaitu menyebut huruf antara baris fatġaṭ pertengahan dan ima:laṭ yang kuat. Keadaan ini lebih sukar kerana ianya adalah di antara tahap sederhana antara baris fatġaṭ dan ima:laṭ yang kuat. Oleh itu, tidak ramai pembaca al-Qur'a:n al-Kari:m yang dapat menguasainya dengan sempurna. (Ibra:hi:m : 2005).

Sebagaimana ima:laṭ kubra: jenis ima:laṭ Ūghra: ini juga terdapat beberapa nama atau istilah yang membawa maksud yang sama iaitu :

- a. al-ima:laṭ al-mutawassiġaġ (Ima:laṭ pertengahan)
- b. al-taqli:l (pengurangan)
- c. Bayn al-lafġain (antara dua lafaz)
- d. Bayn bayn (antara dua)
- e. al-talġi:f (kelembutan)
- f. Bayn al-fatġ wa al-kasr (antara fathah dan kasrah)
- g. al-kasr al-laġi:f (kasrah yang lembut)
- h. Ishma:m al-ima:laṭ (mendekatkan dan menurunkan)
- i. al-kasr (Ima:laṭ ke arah kasrah)

j. al-isha:raṭ̣ ila: al-kasr (penunjuk kasrah)

k. al-tarqi:q (lemah dan ringan)

l. al-tarkhi:m (lembut dan mudah)

Penulis hanya menumpukan kajian terhadap ima:laṭ̣ kubra: dan ima:laṭ̣ ṣughra: (al-taqli:l) sahaja kerana ianya berkaitan secara langsung dengan riwayat Imam Warsh.

4.4.2 Ima:laṭ̣ Pada Ahli Bahasa (Fonetik)

Para ahli bahasa zaman sekarang banyak mengambil pengajaran daripada kaedah-kaedah dan kajian yang telah dijalankan oleh para ahli bahasa zaman lampau dan juga para ahli qira:'a:t, khususnya dalam menghuraikan permasalahan yang berkaitan dengan ima:laṭ̣ dan fat'laṭ̣.(Ibra:hi:m, 2005)

Ahli bahasa zaman moden telah membahagikan baris kepada baris panjang dan juga baris pendek. Tiada beza antara keduanya kecuali pada kuantiti. Makhraj baris fat'laṭ̣ adalah sama dengan makhraj alif mad. Begitulah baris kasraṭ̣ dengan ya;' dan Ìammaṭ̣ dengan wa:w. Maka, mereka telah menyatakan bahawa huruf-huruf mad ialah harakat yang panjang. (Ibra:hi:m, 2005)


Ibn Jinni: (1990) menjelaskan tentang keadaan baris dalam bahasa Arab.

Beliau menggariskan empat baris sebagaimana berikut :

- i) Baris asal, iaitu : fatÁat, Ìammat dan kasrat.
- ii) Baris ima:lat, iaitu :
 - a. Baris antara fatÁat dan kasrat seperti : عَالِم
 - b. Baris antara fatÁat dan Ìammat seperti : الصَّلَاةُ
 - c. Baris antara kasrat dan Ìammat seperti : قَيْلٍ
 - d. Baris Ìammat dan kasrat seperti : مَذْعُورٍ

Ahli fonetik bahasa Arab moden telah meneruskan kajian tentang sebutan huruf-huruf vokal ini dan menetapkan satu formula yang digambarkan dalam gambarajah berikut :

Gambarajah 4.1 : Kedudukan Lidah Semasa Penyebutan Ima:laṭ



Sumber : Ibn al-Qaṣīr (2005)

Daripada gambarajah di atas menjelaskan bahawa tahap ima:laṭ (ima:laṭ fatīlaṭ ke arah kasraṭ) berlaku antara baris fatīlaṭ iaitu yang dinyatakan sebagai (a = 4) dan baris kasraṭ (i = 1).

Semakin kuat tahap ima:laṭ maka ia akan mendekati garisan (E = 3). Ia dinamakan ima:laṭ ūghra: (sederhana). Sekiranya ima:laṭ itu mendekati garisan 2 = e maka semakin kuat tahap ima:laṭ. Ia dinamakan ima:laṭ kubra: (kuat).

4.5 Ima:laṭ di dalam Riwayat Imam Warsh

Ulama qira:'a:t berbeza pendapat mengenai asal-usul tempat muncul ima:laṭ dan sebabnya. Ahmad al-Biliy (1988) berpendapat ianya adalah bahasa atau dialek penduduk Najd iaitu bani Tami:m, Qays dan Asad. Manakala al-fatī pula adalah dialek penduduk Hija:z.

Al-Ha:fiz Abu 'Amru: al-Da:ni: (1984) pula menyatakan bahawa ianya (ima:laṭ) adalah dialek penduduk Ku:faṭ. Bacaan ima:laṭ kekal dan masih menjadi amalan sehingga sekarang.

Mu'ammad al-Ibra:hi:miyy (1990) membahagikan ima:laṭ kepada ima:laṭ kubra: dan ima:laṭ Ūghra:. Menurutny riwayat Imam Warsh tidak membaca dengan imalaṭ kubra: kecuali satu tempat sahaja iaitu pada perkataan طه (surah Īa:ha: ayat : 1). Seterusnya, beliau menerangkan ciri-ciri atau kriteria ima:laṭ mengikut riwayat Imam Warsh sebagaimana berikut :

i) Semua huruf alif yang ditulis dengan huruf ya:' :

a. Alif yang asalnya ya:'

Contoh : سَعَى - يَسْعَى - رَمَى - سَوَى - اسْتَوَى - رَأَى -

يَرَى - يَحْيَى - اِهْدَى - اَتَى - اَتَيْهِ - تَعَشَّىهَا -

أَرْبِكُمْ - يُؤَيَّلَتِي - يَأْسَفِي - مَجْرِبَهَا - الْمَأْوَى -

الزُّبَى - الثَّرَى - الْأَذَى - المَرْعَى - مَأْوِيهِ - تَتَمَارَى -

الْقُرَى) - هُدَى - قُرَى - أَذَى - سَوَى -

waqf).

- b. Huruf alif yang asalnya wa:w yang ditukarkan kepada ya:' apabila diderivasikan (ta'iri:f). Ia dituliskan dengan huruf ya:' apabila ruba:'iyy ke atas.

Contoh : - تُسَمَّى - سَمَّيْكُمْ - اسْتَعَلَى - بَجَّيْنَا - الْأَعْلَى - أَرْبَى -

(مُسَمَّى - عَزَّى - مُصَنَّفَى) مُرْسِيهَا

).

- c. Alif yang asalnya wa:w (thula:thiyy)

Contoh : الضُّحَى - سَجَى - الْقُوَى - الْعُلَى - تُتَلَى - ضُحَى)

(ketika waqf).

- d. Alif yang ditambah kerana feminin. Ianya terdapat lima pola (wazn) :

Contoh :

Pola (فَعْلَى) : النَجْوَى - الموتَى - دَعْوَاهُمْ -

السَّلْوَى

Pola (فُعْلَى) : بُشْرَى - السُّفْلَى - الأُولَى -

الحُسْنَى - أُخْرَى - السُّوْأَى - كُبْرَى -

بُشْرِيكُمْ

Pola (فَعْلَى) : الدَّكْرَى - الشَّعْرَى - ذِكْرِيهَا -

إِخْدِيهِنَّ - سِيَمِيَهُمْ

Pola (فَعَالَى) : الِيتَمَى - نَصَارَى - أَيَامَى

Pola (فُعَالَى) : أُسَارَى - كُسَالَى

- e. Alif yang tidak diketahui atau tidak pasti asal usulnya dan ditulis dengan ya:’.

Contoh : أُنَى - بَلَى - مَتَى

مُوسَى - التَّوْرِيَّةُ - عَيْسَى - يَحْيَى

- ii) Semua alif yang ditulis dengan ya:’ kerana mengikut kaedah yang asal atau kerana ditambah (ruba ‘iyy ke atas) atau yang ditambah kerana feminin tetapi ditulis dengan alif ataupun digugurkan (Íadf).

Contoh : رَعَا - رَعَاكَ - هُدَايَ - تَوْلَاهُ - سَيِّمَاهُمْ - عَصَانِي -

تُقَاتِهِ - مَشَوَايَ - مَحْيَايَ - تَتْرَا - الْعُلْيَا - أَحْيَاكُمْ -

الْحَوَايَا - نَعْنَا - الرِّعْيَا - نَحْيَا - الدُّنْيَا - اجْتَبَهُ - أُؤْصِنِي -

رُعْيَايَ - بُشْرَى - خَطِيئَتِكُمْ

- iii) Alif yang terdapat pada perkataan-perkataan berikut.

a. كُفْرَيْنَ

b. جَبَّارَيْنَ

c. الر - المر - حم

d. كهُيَعَص (ها) (يا)

e. طه (ها)

Ini (طه) adalah satu-satunya tempat yang dibaca dengan

ima:laṭ kubra: di dalam riwayat Warsh mengikut imam al-Azraq.

iv) Semua alif yang terletak sebelum huruf ra:’ yang berbaris kasraṭ.

Contoh : لأُولِي الْأَبْصُرِ - يَقْنَطَارٍ - بَدِينَارٍ - فِي نَارٍ - مِنَ الْكُفَّارِ

- بَجَبَّارٍ - مِنْ دِيَرِهِمْ - كَمَثَلِ الْحِمَارِ - كِتَابَ الْأُبْرُرِ -

وَالنَّهَارِ - وَالْجَارِ

4.6 Al-Fath dan al-Ima:laṭ

Al-Fatí bermaksud menyebut huruf secara terbuka dan tebal sebagaimana asal kaedahnya dari segi bahasa. Oleh itu ianya dinamakan al-tafkhi:m. Manakala ima:laṭ pula ialah kecenderungan menyebut baris fatílaṭ ke arah kasraṭ, ataupun sebutan huruf alif ke arah ya:' apabila ada kesesuaian.

Ulamak zaman dahulu dan sekarang berselisih pendapat tentang asal antara fatí atau ima:laṭ – mana satu yang asal. Namun, majoriti ulamak menerima bahawa fatí adalah asal dan ima:laṭ adalah pecahan sahaja. Buktinya, harus bacaan tebal (fatílaṭ) semua yang diima:laṭkan tetapi tidak kesemua yang ima:laṭ boleh ditebalkan (tafkhi:m).

Ada juga sebahagian ulamak yang berpendapat sebaliknya bertujuan memberi kemudahan atau keringanan sebutan kepada kabilah atau puak masing-masing. Bahkan, ada juga yang berpendapat bahawa kedua-duanya adalah asal pada tempat dan keadaan tertentu sebagaimana pendapat 'Abd al-Fatta:Í Isma:'i:l Shalabiyy (1983).

Kajian yang terperinci tentang fonetik bahasa Arab amat wajar memandangkan ianya berkaitan dengan bacaan al-Qur'a:n al-Kari:m. Kesempurnaan sebutan menjamin ketepatan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'a:n al-Kari:m.

4.7 Kesimpulan

Terdapat beberapa perbezaan pendapat ulama bahasa Arab dan juga ahli qira:'a:t al-Qura'an tentang bacaan ima:lat, namun kesemuanya bertujuan untuk memudahkan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim. Perselisihan pendapat juga berlaku kerana faktor-faktor fisiologi penduduk dan juga kerana pengaruh geografi yang berbeza.